

02 OCT 2003

BADAN KHAS DI PERBENDAHARAAN PANTAU PEMALSUAN CEK

LANGKAWI, 2 Okt (Bernama) -- Kementerian Kewangan telah menubuhkan satu badan khas bagi membanteras perbuatan pemalsuan cek kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata semua laporan urusan kerajaan kini perlu dibuat secara berkala dan mengikut format yang ditetapkan.

Buat masa ini, badan khas itu akan memberi tumpuan memantau urusan dalam badan berkanun, syarikat-syarikat milik kerajaan dan dalam kerajaan sendiri, katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dan majlis makan tengah hari bersama Putera Raja Arab Saudi, Laksamana Fahd Abdullah Mohammed Abdul Rahman Al-Saud di sini hari ini.

Laksamana Fahd berada di sini sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 yang sedang berlangsung.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, diminta mengulas perbuatan memalsukan cek kerajaan di beberapa negeri sehingga menyebabkan lebih RM3 juta dilesapkan.

Sekurang-kurangnya 26 orang telah diberkas.

-- BERNAMA

LES RBZ AHH MAI